


ANTOLOGI PUISI KEMERDEKAAN

TANAH AIRKU TERCINTA

Suara kemerdekaan dilontarkan melalui susunan aksara oleh 80 orang penyair. Kuntuman bunga perpaduan mengungkap dan membangun kasih terhadap tanah air yang disayangi. Hayati suara anak-anak merdeka. Pertahankanlah Tanah Airku Tercinta



TERBITAN

S
H
E

ISBN 978-967-2378-61-7



RM25



SP

TANAH AIRKU TERCINTA

DANIEL ARASU

S
H
E

TANAH AIRKU TERCINTA

ANTOLOGI PUISI KEMERDEKAAN



PENYELENGGARA
DANIEL
ARASU

ANTOLOGI PUISI KEMERDEKAAN

TANAH AIRKU TERCINTA

PENYELENGGARA

DANIEL
ARASU

2022

ANTOLOGI PUISI TANAH AIR TERCINTA

CETAKAN PERTAMA 2022

© HAK CIPTA PENULIS TERLIBAT

HAK CIPTA TERPELIHARA.

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada SYAHIDA HASSAN ENTERPRISE terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ANTOLOGI PUISI : TANAH AIRKU TERCINTA / PENYELENGGARA DANIEL' SHANKAR,
JANAGAHRASU MANIVANNAN.

ISBN 978-967-2378-61-7

1. Malay poetry.

2. Puisi.

3. Poetry.

I. Daniel Shankar. II. Janagahrasu Manivannan.
899.2313

Diterbitkan oleh:

Syahida Hassan Enterprise (SA0336032-W)
Shah Alam, Selangor
www.facebook.com/syahidahassanenterprise
syahidahassanenterprise@gmail.com


Penyelenggara	: Daniel Shankar dan Janagahrasu Manivannan
Penyunting	: Aihass
Reka Letak	: Aihass
Kulit depan	: Nurul Syahida Hassan

Dicetak oleh:

FIRDAUS PRESS

SERI KEMBANGAN, SELANGOR

- 01 AJIAH JOYE JAFIRI
02 ALINA DERAMAN
03 AMRAN BAKAR
04 ANDI NOOR MUNAWARAH
05 ANWAR MOHAMAD
06 DR. ARFAH AHAMAD
07 ASLINDAH MD YASIN
08 NORHAFIZAH ISMAIL
09 FARIDAH NGADIM
10 HASFALILA HASSAN
11 HASLINA RAZAK
12 HASNI ABDUL RAHMAN
13 HURAINAH OSMAN
14 JAMAIL MASADOR
15 JAMEZAH M. ESA
16 KHAIRUN NAJMIAH MD. SALIMUN
17 KHAIRUNNISA SHAABAN
18 LIM YEW YAK
19 LIZAWATI MOHD SAHIMI
20 MASNRZUIDA MOHD ZOLKAFLI
21 MELOR NUR AIN IDRIS
22 MOHD JORASMIN MAT ISA
23 MOHD KAMARULHISAM MOHD NOWAWI
24 MOHD NASRUL MOHD RAWI
25 MOHD RASLAN TAJUDIN
26 MOHD YUSNIZA MOHD REDZUAN
27 MOHD ZABRI MOHD ZUN
28 MUHAMMAD ANWAR AHMAD
29 MUKHTAR MUSTAFA
30 MURSHID MD. HUSSAIN
31 NAJLA AHMAD
32 NINI MAZLINA HALAMIN
33 NOORAZAH MOHAMED NOAH
34 NOORBAINI MAT ISA
35 NOORNIZA SANANI
36 NOR FAZILAH NATA
37 NOR HAYATI MINA
38 NORAINI MAT ROJIN
39 NORAWI HJ. KATA
40 NORAZILAH ABDULLAH



- 41 NORHAIDI MOHD NORDIN
 42 NORLIZA RAMLI
 43 NORLIZAWATI ABDUL WAHAB
 44 NUR AZLIZA MOHD NOR
 45 NURHAFIZAH ALI
 46 NURHUDA KAMARUDDIN
 47 NURSHAZATUL EJOL
 48 NURUL AIN HUSNA HASHIM
 49 NURUL FAZIRA MUSTAPHA
 50 PUI TIONG GEE
 51 RAMLI HASSAN
 52 ROHANI AWANG
 53 ROS ANITA KARTINI MOHAMED
 54 ROS HASLINDA HAYATI
 55 ROSLI SAMOT
 56 ROSLINDA IDAYU RIDUAN
 57 ROSNANI HASSAN
 58 ROZIANA RAHIM
 59 ROZITA MOHAMED BAKI
 60 SALINA MOHD SALLEH
 61 SALZIAH HJ. SALIM
 62 SHARIR AIZAT KAMARUDDIN
 63 SHEENA.V @ CHAKRABARTY
 64 SITI HASLIZA MOHD SELLAH
 65 SITI MARIAM DAUD
 66 SITI MONAZAIRIN JELANI
 67 SITI NABILAH KASDI
 68 SITI ROSNITA SAKARJI
 69 SITI SAFURA RAHIM
 70 SITI SALAMAH MOHD SHIHAB
 71 SUHAIDI HJ ADININ
 72 SYED NASEER SYED MOHIDEEN
 73 TUAN FAIZAH ASMIRA
 74 WAN FATIMAH WAN SEMBOK
 75 WAN ROSLINA WAN ISMAIL
 76 WARDATUN RAIHAN YUSOFF
 77 ZALEFAH IBRAHIM
 78 ZALZELIN ZAKARIA
 79 ZARIAH JAAFAR
 80 ZARINAH RAMLEY

TANAH AIRKU

Bicara Kata

SEBAGAI makhluk, kita semua dikurniai-Nya fitrah dapat berkomunikasi dalam dua keadaan, iaitu lisan dan penulisan. Secara lisan, kita mengujarkan kata atau kalimat untuk berhubung dengan insan sekeliling bagi memenuhi tujuan peribadi atau tujuan kelompok. Secara bertulis, juga demikian bentuknya, tetapi dalam konteks yang lebih teratur kerana bahasa tulisan menuntut pemahaman dan penafsiran yang lebih lama dan ada kalanya kekal sebagai dokumen atau artifak, berbanding dengan bahasa lisan yang bersifat sementara dan sering kali dilupai (melainkan dirakam serta disimpan di rakam khanah).

Demikianlah juga jika komunikasi bertulis itu dijayakan menerusi landasan atau laras kreatif, termasuk penulisan puisi. Puisi pula terpecah kepada dua bentuk utama, puisi moden dan puisi tradisional. Dalam hal antologi *Tanah Airku*, puisi yang dipilih sebagai sarana komunikasi oleh para pengkarya ialah puisi moden, khususnya sajak.

Sajak ialah puisi moden yang bebas, yakni bebas gaya dan bebas makna, tergantung pada kreativiti dan maksud yang ingin diutarakan oleh pengkarya. Walaupun secara prinsipnya sajak dipayungi konsep bebas, tetapi kekebasan itu sendiri adalah subjektif. Dengan kata lain, pengkarya perlu ada tuju hala dan latar pengalaman yang tertentu dalam penggarapan puisi.

Melihat tajuk antologi, jelas dapat ditanggapi bahawa para pengkarya membataskan pilihan mereka kepada tema *Tanah Airku*. Secara farfiah, “tanah airku” ialah kata majmuk yang membawa maksud gabungan unsur tanah dan air yang membina pengertian kawasan milik sesuatu bangsa, diurus tadbir mengikut pilihan bangsa itu.

Apabila diperluas tanggapan atau tafsiran tentang judul antologi ini, ternyata bahawa subjek yang ingin ditumpukan ialah



MUHAMMAD ANWAR AHMAD

Muhammad Anwar bin Ahmad adalah pensyarah kanan di Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak, Selangor. Dilahirkan di Kuala Lumpur. Dibesarkan di Kuala Perlis, Perlis. Mendapat pendidikan rendah dan menengah di Perlis. Menyambung pelajaran di Jordan pada peringkat Ijazah Sarjana Muda. Berkululusan Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Pengajian Kesusastraan Arab dari UIAM. Pernah bertugas sebagai penterjemah di Unit Bahasa Arab, BERNAMA (2003) dan penterjemah sambilan di Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) sejak 2009. Bidang kajian dan kepakaran beliau ialah Pengajian Kesusastraan Arab, Sastera Islam dan Sastera Bandingan (Arab-Melayu). Beliau aktif membentangkan kertas kerja di seminar-seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam bidang kepakaran. Beliau juga menulis beberapa artikel jurnal dan buku teks dalam bidang pengkhususan. Antara hasil penerbitan buku beliau ialah *Arabic for Islamic Studies (Arabic)* (2016), *Postcolonial Discourse in "Mawakib al-Ahrar"* by Najib al-Kilani and *"Keluarga Gerilya"* by Pramoedya Ananta Toer (Arabic) (2017), *History of Arabic Literature (Arabic)* (2021), *Begin tulah Saat Umar Bertemu Ilahi (Drama Terjemahan)* (2021).

RANTAI BELUM TERLERAI

Enam puluh dasawarsa berlalu
Setelah kalah beradu
Pahlawan moyang menang bersatu
Tiba-tiba, dilanda lesu
Tertipu terbelenggu

Dulu watan ditawan
Kini minda dipinda, akal dipenjara
Fikir mereka sarjana mendunia
Warisan bangsa jenaka tawa
Dada muda diceroboh
Jati belia digoyah
Racun pembuka selera
Sampah penjamu rasa
Bisa berbahaya penghilang dahaga
Tanjak di kepala peragaan gua
Kurung kebaya busana tua
Alunan dendang di telinga sumbang
Jerit terkinja lambang berkembang

Rupanya penjarah terus gagah mengarah
Bahkan menjajah
Dari jauh arah
Daerah ini boleh terjajah
Jika belenggu di benak tidak dipecah

Oleh:
Muhammad Anwar Ahmad

HAMBA NAN MERDEKA

Merdeka tapi hamba
Penyembah dunia fana
Pelahap harta dan riba
Penggilra noda dan dosa
Pemalsu fakta dan kata
Penjilat penguasa gila
Penderhaka kedua ibu bapa
Pembantu syaitan derhaka
Pegikut setia nafsu haloba
Penjahil Tuhan Maha Kuasa

Hamba yang merdeka
Pemakmur alam benua
Penguat kepada tidak berdaya
Pembela tua dan janda
Penegak hak hadapan raja durjana
Perwira nusa bangsa
Pengasih yatim dan duka
Pemurah jiran tetangga
Penyayang anak keluarga
Pemulia ayah bonda
Penurut firman dan sabda
Pentauhid Yang Maha Esa

Oleh:
Muhammad Anwar Ahmad